

**PENGGUNAAN INTERNET DI DALAM MEMPERTINGKATKAN PROSES  
PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (P&P) DALAM KALANGAN PENSYARAH  
FAKULTI PENDIDIKAN, UTM SKUDAI**

Johari bin Hassan & Norhayati Edje

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.

**ABSTRAK :** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan internet dalam mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di dalam kalangan pensyarah di Fakulti Pendidikan, UTM. Seramai 46 orang pensyarah telah dipilih secara rawak sebagai responden dalam kajian ini. Satu set soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian. Kajian ini dibuat untuk mengetahui persepsi penggunaan internet dalam P&P, tahap penggunaan internet, bentuk atau aplikasi internet, dan masalah yang dihadapi ketika menggunakan internet dalam proses P&P. Data kajian yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan '*Statistical Package for the Social Science version 10.0*' (SPSS) yang dinyatakan dalam bentuk kekerapan, peratus dan min. Dapatan kajian menunjukkan persepsi pensyarah mengenai penggunaan internet dalam P&P adalah positif dengan nilai min purata 3.82 namun tahap penggunaan internet dalam P&P adalah berada pada tahap yang sedehana dengan nilai purata min 2.64. Selain itu, bentuk penggunaan internet yang sering digunakan dalam P&P adalah memuat naik (*upload*) bahan pengajaran contohnya nota kepada pelajar (58.7%) manakala masalah yang sering dihadapi oleh pensyarah ketika menggunakan internet dalam proses P&P adalah masalah pengurusan masa dan masalah talian internet.

**ABSTRACT :** The purpose of this research is to identify the perception among lecturer of the Faculty of Education, UTM Skudai about the uses of internet in enhancing the process of teaching and learning process (T&L). This research is conducted among 46 lecturers as a respondent of this research. A set of questionnaire was used as the instrument for this research. This research also try to find out the perception of using internet in T&L, the level of using internet, the types of internet application and lastly the problem faced while using internet in the process of T&L. Data from the research was analyzed by using '*Statistical Package for the Social Science version 10.0* (SPSS) to obtain the frequency, percentage and mean. The findings from the research showed that the the perception about using internet for the process teaching and learning was positive with value of the mean 3.82 but the level of using internet in teaching and learning was medium with value of the mean 2.64. Apart from that, the research showed that the type of internet application that always uses among lecturers were uploading the learning tool such as notes to student (58.7%). The problem that lecturers faced while using internet in teaching and learning were the problem in managing time and connection of internet.

Katakunci : *Statistical Package for the Social Science version 10.0 (SPSS), perception among lecturer.*

## **PENGENALAN**

Proses pengajaran dan pembelajaran telah banyak mengalami perubahan seiring dengan perkembangan teknologi. Malah dengan wujudnya jaringan, kerjakerja mencari maklumat amat mudah kerana internet berfungsi sebagai perpustakaan maya yang menyajikan pelbagai jenis

makumat (Siti Hajar, 2006). Sehubungan dengan itu para guru mahupun pelajar dapat mengakses bahan maklumat dengan mudah dan pantas.

Dengan positifnya perkembangan internet ketika ini maka penggunaan laman web yakni internet merupakan salah satu kaedah dalam proses pembelajaran yang sangat penting, ini kerana ia dapat menukar daripada kaedah penghafalan dan mengingat kembali maklumat kepada mengakses, memanipulasi dan mengenerasikan maklumat secara elektronik (Rozinah, 2007) seterusnya ia membantu menjana pelajar berfikiran minda yang lebih kritis dan inovatif selaras dengan perkembangan dunia pendidikan pada masa kini.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Di institusi pengajian tinggi awam atau swasta (IPTA/IPTS) khususnya, mereka yang banyak terdedah kepada teknologi baru terutamanya melibatkan penggunaan komputer dan internet. Di Universiti Teknologi Malaysia di Fakulti Pendidikan komputer mula dibekalkan kepada semua pensyarah pada awal tahun 2001. Kemudahan yang disediakan ini siap dengan jaringan komputer dan siap dengan talian internet. (Mohmad Jeofrey, 2002) dengan kemudahan internet yang boleh dicapai di dalam bilik pensyarah dan di bilik kuliah, ditambah dengan wireless (internet tanpa wayar) di dalam fakulti itu sendiri.

Pentingnya pengajaran di universiti sangat ditekankan oleh menteri, terutama dalam konteks menjadikan Malaysia '*Regional Educational Powerhouse*'. Mutu pengajaran akan menarik lebih banyak penuntut dan kesudahannya akan membawa lebih banyak pendapatan kepada universiti (Berita harian, 1997). Oleh yang demikian, berdasarkan kepada latar belakang dan pernyataan masalah diatas maka satu kajian bagi mengenalpasti persepsi pensyarah mengenai internet dalam pengajaran dan pembelajaran akan dikaji.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

- i) Mengenalpasti persepsi pensyarah Fakulti Pendidikan mengenai kepentingan internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- ii) Mengenalpasti sejauhmanakah tahap penggunaan internet dikalangan pensyarah semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
- iii) Mengenalpasti apakah bentuk penggunaan internet yang kerap digunakan oleh pensyarah semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
- iv) Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pensyarah dalam menggunakan internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan maklum balas kepada pihak Pusat Pengajaran dan pembelajaran (CTL) UTM Skudai untuk dinilai akan kebenarannya. Diharapkan juga ia menjadi salah satu saluran kepada CTL mengetahui perkembangan semasa pensyarah di UTM dan dengan itu boleh menilai semula atau membuat perancangan pada masa hadapan dengan lebih teliti.

Selain itu diharapkan juga, hasil kajian ini memberi manfaat kepada Fakulti Pendidikan sebagai salah satu saluran juga dalam mengetahui perkembangan pensyarah fakulti Pendidikan itu sendiri mengenai persepsi mereka dalam mengintegrasikan kemudahan teknologi yang diberikan di fakulti dalam proses pengajaran dan pembelajaran khasnya kepada pelajar dan seterusnya kepada pihak berwajib yang lain.

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak lain disamping merasakan keperluan kepada diri penyelidik sendiri yang akan bakal menjadi pendidik suatu masa nanti kelak. Diharapkan juga kajian ini menjadi pendorong kepada penyelidik lain untuk terus mengkaji skop yang lebih luas dalam mempertingkatkan mutu pengajaran dan pengajaran dalam bidang pendidikan.

## **SKOP KAJIAN**

Di dalam kajian ini responden hanya terbatas di antara staf akademik bahagian Fakulti Pendidikan UTM, Skudai sahaja yang mempunyai kemudahan akses internet di dalam bilik pensyarah mahupun di dalam bilik kuliah. Fokus utama dalam kajian ini adalah mengkaji persepsi pensyarah mengenai penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran, maka tahap pengetahuan atau literasi responden mengenai komputer ataupun internet tidak akan diuji.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka Bentuk Kajian**

Bentuk kajian penyelidikan yang akan dijalankan adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan soal selidik. Penyelidikan deskriptif adalah satu kaedah kuantitatif. Mengikut Azizi Yahaya et al.(2007), statistik deskriptif digunakan bagi menghurai ataupun membuat ringkasan pada maklumat ataupun data yang diperolehi bagi populasi ataupun sampel, ia biasanya digunakan oleh para penyelidik bagi membuat ringkasan pada data yang mempunyai kuantiti yang besar. Set soal selidik disediakan dan diedarkan kepada responden bagi mendapatkan maklumat.

Soal selidik dibina dan diedarkan kepada responden digunakan untuk mendapatkan maklum balas tentang persepsi, bentuk, tahap dan masalah mengenai penggunaan internet dalam mempertingkatkan proses P&P. Penggunaan soal selidik bagi penyelidik adalah mudah dan sesuai dengan masa malahan tidak memerlukan perbelanjaan yang besar.

### **Sampel Kajian**

Dalam sesuatu penyelidikan pendidikan, mengenal pasti populasi merupakan perkara penting kerana ia menentukan bidang masalah yang perlu dikaji serta sebanyak mana data dan maklumat yang perlu dikumpul. Dalam kajian ini, sampel yang dipilih secara rawak mudah daripada populasi 86 orang pensyarah yang aktif mengajar di fakulti pendidikan, UTM. Sampel yang dipilih adalah sebanyak 70 orang mengikut kepada jadual Krejcie, R.V and Morgan D.W dalam Azizi et al.,(2007).

## **Instrumen Kajian**

Menurut Syaharam (1990), instrumen kajian merupakan alat pengukuran yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat tentang sesuatu subjek. Dalam kajian ini, soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Soal selidik digunakan untuk mendapat maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan dan sebagainya. Soal selidik yang disediakan dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D.

- a) Bahagian A (Maklumat Responden)
- b) Bahagian B (Persepsi Pensyarah Mengenai Penggunaan Internet dalam Pengajaran dan Pembelajaran)
- c) Bahagian C (Bentuk & Tahap Penggunaan Internet yang Digunakan dalam Pengajaran dan Pembelajaran)
- d) Bahagian D (Masalah Penggunaan Internet yang Digunakan dalam Pengajaran dan pembelajaran.

## **ANALISIS DATA**

### **Penggunaan Internet bagi aspek pengajaran dan profesion**

Kebanyakkhan responden sebanyak 31.8% menyatakan mereka sangat setuju dan 40.4% daripada responden menyatakan setuju bahawa penggunaan internet dalam P&P membantu dalam proses pengajaran mereka dan memberikan imej profesion yang baik kepada mereka. Walaubagaimanapun, 15.0% daripada responden menyatakan tidak pasti dan 8.5% dan 3.3% dari responden menyatakan tidak bersetuju dan sangat tidak setuju mengenai kenyataan ini.

Jika ditinjau mengenai respon pensyarah yang dikaji, ternyata bahawa penggunaan internet dalam P&P ini memudahkan mereka mengendalikan proses P&P dengan berkesan (item 1; min 4.13), dapat mempelbagaikan kaedah dan strategi pengajaran (item 2; min 3.89), pengajaran menjadi lebih menarik dan tidak membosankan (item 3; min 3.73), menghidupkan suasana pengajaran yang lebih berkesan (item 4, min 4.07), memudahkan pensyarah menilai dan menyelia tugas, kuiz atau ujian pelajar (item 6, 3.63) dan hubungan mereka dengan pelajar bertambah dengan penggunaan forum, ruangan *chat* dan email (item 7, 3.78). Selain itu, pengetahuan dan kemahiran mereka mengendalikan aplikasi internet bertambah baik (item 8; min 4.04), dan mereka sangat yakin berhadapan dengan pelajar mereka. (item 9; min 3.76) lalu seterusnya meningkatkan imej dan profesion mereka sebagai pensyarah (item 10; min 4.17).

### **Penggunaan internet bagi aspek kesan pembelajaran terhadap pelajar**

Melalui kajian ini, kita dapat mengetahui bahawai 22.9% daripada responden menyatakan mereka sangat setuju dan 38.9% daripada responden menyatakan setuju bahawa penggunaan internet dalam P&P ini memberikan kesan yang baik kepada proses pembelajaran pelajar. Walaubagaimanapun 21.9% daripada responden menyatakan mereka tidak pasti dan terdapat 13.0% dan 1.31% daripada responden pula menyatakan mereka tidak setuju dan sangat tidak setuju bahawa penggunaan internet ini memberikan kesan yang baik kepada proses pembelajaran pelajar.

Jika ditinjau mengenai respon pensyarah yang dikaji, ternyata bahawa penggunaan internet dalam P&P memberikan kesan terhadap pelajar yakni tahap pencapaian pengetahuan pelajar bertambah baik (item 20; min 3.73), melahirkan pelajar yang berpengetahuan luas dalam IT (item 11; min 3.91) , melahirkan pelajar yang berkemahiran menggunakan ICT (item 12; min 4.09), pelajar dapat berdikari menyelesaikan masalah pembelajaran atau tugas mereka (item 13; min 3.82) dan memupuk pembelajaran sepanjang hayat (item 14; min 4.05) disamping meningkatkan motivasi pelajar untuk terus berkongsi maklumat dengan rakan sebaya mereka (item 17, min 3.80). Selain itu ia juga dapat melahirkan pelajar yang berfikiran kritis dan kreatif (item 15; 3.49), memupuk nilai-nilai murni (item 16, 3.36) dan daya saing yang sihat antara pelajar (item 18; min 3.53), pelajar lebih bersedia memberi pengajaran di kuliah (item 19; min 3.74), perpaduan kaum dan budaya yang berbilang di antara pelajar saya dapat dibentuk (item 20; min 3.73).

### **Penggunaan Internet bagi aspek kemudahan yang disediakan oleh fakulti/universiti.**

Melalui kajian ini, kita dapat mengetahui bahawai 26.7% dan 47.2% daripada responden menyatakan mereka sangat setuju dan setuju bahawa aspek kemudahan yang disediakan oleh pihak fakulti atau universiti memberikan impak yang baik dalam menggunakan internet dalam P&P. Walaubagaimanapun 12.8% daripada responden menyatakan mereka tidak pasti dan seramai 9.8% dan 3.3 % daripada responden pula menyatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju mengenai aspek kemudahan yang disediakan oleh pihak universiti atau fakulti ini membantu mereka menggunakan internet dalam P&P.

Jika ditinjau mengenai respon pensyarah mengenai aspek yang dikaji, ternyata bahawa perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan oleh universiti (item 22; min 4.13), kelajuan mengakses internet (wireless) yang baik di sekitar university (item 23; min 3.11), perkhidmatan latihan/kursus/bengkel yang disediakan oleh universiti (item 29; min 3.92), perisian yang disediakan oleh fakulti/universiti (item 24; min 3.11), kemudahan laptop/komputer yang disediakan oleh fakulti/university (item 25; min 4.11), E-learning membantu mereka pelbagaikan kaedah pengajaran (item 26; min 3.78), laman web PSZ mendapatkan buku,jurnal, ensiklopedia yang bermutu dan terkini (item 27; min 4.11), laman web PSZ memudahkan saya dalam pencarian maklumat yang diperlukan (item 28; min 4.11), membantu penggunaan internet dalam P&P. Selain itu perkhidmatan email yang disediakan oleh university memudahkan berhubung atau berkomunikasi dengan pelajar (item 30; min 4.00) dan laman web fakulti/universiti membantu dalam proses P&P (item 31; min 3.50).

### **Bentuk dan Tahap Penggunaan Internet dalam P&P**

Mengikut daripada taburan frekuensi atau kekerapan responden mengikut skala “selalu”, “kadang-kadang”, “jarang” dan “tidak pernah”. Bentuk penggunaan internet yang selalu digunakan di kalangan pensyarah adalah memuat naik (*upload*) bahan pengajaran kepada pelajar (item 32; 58.7%) dan menggunakan internet untuk melihat perkembangan isu-isu pendidikan (item 38; 52.2%). Manakala bentuk penggunaan internet yang kadang-kadang digunakan oleh pensyarah adalah berbincang isu-isu dalam pendidikan yang ada hubungan dengan subjek/kursus yang diajar menerusi forum online (item 39; 45.7%). Manakala Bagi bentuk penggunaan internet yang jarang dan tidak pernah digunakan adalah berbincang perkara yang tidak berkaitan dengan

subjek/kursus yang diajar melalui forum (item 40; 32.6%) dan mempunyai website / blog sendiri untuk membuat tambahan pengajaran (item 49; 58.7% ).

### **Masalah Penggunaan Internet yang digunakan dalam pengajaran dan Pembelajaran.**

Melalui kajian ini, kita dapat mengetahui bahawai 29.1% daripada responden menyatakan mereka sangat tidak setuju dan 15.6% menyatakan tidak setuju bahawa mereka bermasalah mereka mengenai penggunaan internet dalam P&P. Walaubagaimanapun 19.9% responden menyatakan mereka tidak pasti dan terdapat 14.7% pula menyatakan mereka bersetuju dan 6.2 % menyatakan sangat setuju bahawa mereka mengalami masalah berhubung dengan penggunaan internet dalam P&P.

### **RUMUSAN**

Penyelidik akan membincangkan dapatan kajian berdasarkan penganalisisan data yang dibuat dalam bab empat sebelum ini. Perbincangan ditumpukan untuk menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan iaitu persepsi pensyarah, tahap penggunaan internet, bentuk penggunaan internt dan masalah pensyarah berkaitan penggunaan internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini dijalankan ke atas 46 orang pensyarah dari pelbagai jabatan iaitu Jabatan Asas Pendidikan, Jabatan Pendidikan Sains dan Matematik, Jabatan Multimedia Pendidikan, Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan, Jabatan Pendidikan Sosial dari Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk deskriptif. Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik yang menggunakan Skala Likert. Borang soal selidik yang diedarkan kepada responden mengandungi 6 soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden dan 59 item soalan lagi diklasifikasikan mengikut empat persoalan kajian. Bagi mengetahui peratusan dan min atau hasil kajian yang dijalankan, data-data mentah yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan perisian komputer '*Statistical Package for the Social Science version 10.0*' (SPSS).

### **RUJUKAN**

- Hasfasuriazal Bin hasman (2002) *Pengetahuan Asas Komputer Di Kalangan Pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Irda Marlina (2004) *Pendidikan Islam Menerusi Web : Analisis Kesesuaian Laman Web Islam Untuk Proses Pengajaran Dan Pembelajaran*. Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Lee Shok Mee (1998). *Psikologi pendidikan 2: Teori dan Aplikasi Psikologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mohd. Aizani Maarof (2004). *Siri II: Teknologi Maklumat Internet, Sistem Maklumat dan Bahasa Pengaturcaraan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mustafa Dakian (2008) Mengembalikan Momentum Ekonomi. *Dewan Masyarakat*, 40-41.

- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Sani Ibrahim, Jamalulail Abd Wahab dan Mohd Izham Hamzah (2001). *Kajian Keberkesanan Program Latihan Guru Bestari dan Impaknya Terhadap Pembelajaran Pelajar*. Prosiding Konvensyen Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia 2001. Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia. Hlm 363-390
- Mohd Jeofrey Bin Yussin (2002). *Penggunaan Komputer Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Pensyarah Fakulti Pendidikan UTM*. Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohd Zuhair Azuar Bin Arifin (2003) *Penggunaan Internet Di Kalangan Guru-guru Sekolah Menengah Di Daerah Johor Bahru*. Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Rozinah Jamaludin (2007). *Internet dalam Pendidikan*. USM Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Rashidi Azizan dan Abd Razak (1998), *Pengajaran dalam bilik darjah kaedah dan strategi*. Kajang: Masa Enterprise.
- Shaharam Abdullah (1990). *Panduan Amali Untuk Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hajar Binti Abd Hamid. *Penggunaan Laman Web Pendidikan Dalam pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan guru-guru Di Empat Buah Sekolah Bestari di Negeri Johor*. Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.